

# MENINGKATKAN PERATUSAN KONSULTASI PERANCANG KELUARGA DALAM PENJAGAAN PRA KEHAMILAN (PPC) DI DAERAH KUALA TERENGGANU



PP - 50

Mat Najid YNS<sup>2</sup>, Ibrahim N<sup>1</sup>, Ramli NN<sup>1</sup>, Mamad AR<sup>1</sup>, Abdullah N<sup>3</sup>, Nik Ab Wahid NR<sup>2</sup>, Mohd Rasid AN<sup>4</sup>, Abdul Latif, R<sup>4</sup>, Mat Amin A<sup>1</sup>, Alias, M<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu

<sup>2</sup>Klinik Kesihatan Manir, Kuala Terengganu, Terengganu

<sup>3</sup>Klinik Kesihatan Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu

<sup>4</sup>Klinik Kesihatan Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu

## 1. PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

### PENGENALAN

Penjagaan Pra Kehamilan (PPC) merupakan perkhidmatan amalan perancang keluarga dalam kalangan wanita reproduktif berisiko bertujuan untuk menanggukkan kehamilan sehingga tahap kesihatan yang optima dan mengelakkan kehamilan yang tidak diinginkan. Tujuan perkhidmatan ini adalah untuk memberi nasihat, panduan dan kaunseling bagi membantu mereka merancang kehamilan tanpa komplikasi serius di sepanjang kehamilan, kelahiran dan selepas bersalin. Berdasarkan Laporan Pencapaian Konsultasi Perancang Keluarga bagi daerah Kuala Terengganu pada tahun 2020 (61.5%) dan 2021 (63.1%) menunjukkan konsultasi perancang keluarga dalam kalangan wanita berisiko masih rendah. Kajian ini bertujuan mengenalpasti faktor penyumbang dan melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi meningkatkan konsultasi perancang keluarga.

### PEMILIHAN MASALAH

MASALAH	S	M	A	R	T	JUMLAH
Booking awal di kalangan ibu mengandung rendah.	19	19	18	18	18	92
Saringan MGGT di kalangan ibu postnatal yang rendah	14	14	14	14	14	70
Konsultasi perancang keluarga di kalangan wanita reproduktif berisiko yang berdaftar di dalam PPC bagi PKD Kuala Terengganu adalah rendah	21	21	21	21	19	103
Liputan MMR dos ke 2 di kalangan bayi yang berumur 12 bulan yang rendah	21	21	16	16	16	90
Pengambilan PAP smear di kalangan wanita berumur 30 hingga 65 tahun yang rendah	21	21	21	10	10	83


AHLI KUMPULAN = 7 ORANG SKOR = RENDAH - 1 SEDERHANA - 2 TINGGI - 3

### ANALISA MASALAH

<b>S</b>	Pencapaian Konsultasi Perancang Keluarga yang didaftar pada tahun 2020 (61.5%) dan 2021 (63.1%) masih rendah. Pada tahun 2021 terdapat 1 kes kematian ibu disebabkan oleh 'thyroid storm' dan terdapat 2 kes eklampsia di kalangan ibu hamil yang berisiko tinggi yang tidak mengamalkan perancang keluarga. Di daerah Kuala Terengganu, jumlah wanita hamil berisiko adalah tinggi iaitu 4423 (tahun 2021) dan 4335 (tahun 2022)
<b>M</b>	Data-data yang diperolehi dari: Buku daftar PPC (PPC 101 Pindaan 2019), Reten bulanan PPC & Google Drive PPC JKNT
<b>A</b>	Mengenalpasti wanita yang mempunyai masalah perubahan dan berisiko jika hamil untuk ditawarkan perkhidmatan PPC bagi mengurangkan morbiditi dan mortaliti ibu dan bayi
<b>R</b>	Tindakan penambahbaikan boleh dilakukan dengan cara mewujudkan sistem pengesanan kes, bengkel/CME berkala kepada staf & alat bantu
<b>T</b>	Kajian ini dijalankan dalam tempoh masa 1 tahun (Januari hingga Disember 2022)

## 2. PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

### CARTA ANALISA SEBAB AKIBAT



### OBJEKTIF UMUM

Meningkatkan peratusan konsultasi perancang keluarga dari 63.1% (2021) kepada melebihi 80% (2023) di kalangan wanita reproduktif berisiko tinggi yang berdaftar di bawah PPC bagi tahun 2023.

### OBJEKTIF KHUSUS

- Mengenalpasti peratus konsultasi perancang keluarga yang berkesan di kalangan wanita reproduktif berisiko tinggi di daerah Kuala Terengganu.
- Mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan ketidakcapaian peratus penerimaan konsultasi.
- Merangka strategi penambahbaikan dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan.
- Menilai semula keberkesanan langkah penambahbaikan yang telah dijalankan.

### Peratus Konsultasi Perancang Keluarga =

Bilangan wanita dalam usia reproduktif yang mempunyai masalah perubahan dan berisiko jika hamil yang menerima konsultasi perancang keluarga

X 100

Standard  $\geq 80\%$

Bilangan wanita dalam usia reproduktif yang mempunyai masalah perubahan dan berisiko jika hamil yang didaftarkan dalam PPC


Sumber : Pelan Strategik PPC JKNT 2022

## 3. PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Jenis Kajian	Keratan Lintang
Tempoh	<p><b>Fasa Verifikasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Reten PPC 201 pindaan 2019 bagi tahun 2020 &amp; 2021</li> </ul> <p><b>Fasa Pre Intervensi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Januari 2022: Kenal pasti faktor penyebab &amp; menjalankan soal selidik</li> <li>Februari-Oktober 2022: Langkah penambahbaikan</li> </ul> <p><b>Fasa Post Intervensi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>November - Disember 2022: Soal selidik</li> <li>2024: Soal selidik keberkesanan KIT MISALI</li> </ul>
Sumber Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kad Rawatan Pesakit</li> <li>Buku Daftar PPC 101</li> <li>Reten PPC 201</li> <li>Line Listing Google Drive JKNT 2022</li> <li>Borang soal selidik</li> </ul>
Kriteria Inklusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Wanita reproduktif yang berumur 15 - 49 tahun.</li> <li>Mempunyai masalah kesihatan berpotensi menyebabkan kehamilan berisiko (18 kod risiko yang tersenarai dalam Garis Panduan Perkhidmatan Prakehamilan di Penjagaan Kesihatan Primer)</li> </ul>
Kriteria Eksklusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilateral Tubal Ligation (BTL)</li> <li>Menopaus</li> <li>Hysterectomy</li> </ul>


## 4. ANALISIS DAN INTERPRETASI

### GRAF FAKTOR PENYEBAB KONSULTASI RENDAH SEBELUM INTERVENSI



## 5. STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

### I. PENAMBAHBAIKAN 'PROCESS OF CARE' KES PPC



### MODEL OF GOOD CARE (MOGC)

Proses	Kriteria	Std (%)	Sebelum n: 100	Selepas n: 100
1	Mengenalpasti Kes Risiko Wanita reproduktif yang berisiko tinggi berdasarkan kriteria mengikut garis panduan terkini Pelekat merah jambu di kad pesakit	100%	80%	100%
2	Pendaftaran Pelanggan Mendaftar pelanggan dalam • Buku Pendaftaran PPC • Line Listing Google Drive JKNT	100%	76%	96%
3	Rujuk Konsultasi Mengisi borang Penilaian Pertama PPC dan merujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga / Pegawai Perubatan • Unit Pesakit Luar • Unit Ibu dan Anak • Perancang keluarga • Ibu postnatal 1 bulan	100%	54%	85%
4	Khidmat Konsultasi Memberi nasihat perancang keluarga dan preskripsi kontraseptif mengikut Medical Eligibility Criteria For Contraceptive Use (MEC) dibantu oleh KIT MISALI	100%	39%	95%
5	Kemaskini Rekod dan Penilaian Semula Maklumat pelanggan dikemaskini dan Borang Penilaian Tahunan PPC diisi	100%	15%	40%
6	Pengesanan Kes Kecederaan Pengesanan kes melalui buku temujanji Personalised Care & Google Drive PPC	100%	46%	95%

## STRATEGI PENAMBAHBAIKAN



1. Dedicated team pengendalian kes PPC



2. Taklimat PPC & CME



3. Pelekat Merah Jambu di kad klien NCD/UPL & Perancang Keluarga



4. KIT MISALI beserta QR Code




5. Memperkukuhkan pendaftaran PPC melalui Google Drive di peringkat daerah dan negeri Terengganu




Taklimat Penggunaan Kit 'MISALI' Peringkat JKNT pada 1/4/2024

## 6. KESAN PENAMBAHBAIKAN

### GRAF PERBANDINGAN ABNA SEBELUM DAN SELEPAS INTERVENSI



### GRAF PERBANDINGAN PERATUS FAKTOR PENYEBAB SEBELUM & SELEPAS INTERVENSI



### KESIMPULAN DAN KESAN PELAKSANAAN PROJEK

- Peningkatan pencapaian konsultasi PPC sehingga 78% pada tahun 2023 dengan pengurangan ABNA kepada 2%.
- Berdasarkan soal selidik keberkesanan KIT MISALI pada tahun 2024, didapati 100% anggota menyatakan bahawa kit ini sangat membantu semasa pengurusan kes PPC.
- Ini dibuktikan dengan pencapaian jumlah konsultasi PPC bagi PKD Kuala Terengganu adalah tertinggi pada tahun 2023 bagi negeri Terengganu.
- Sejak projek ini dijalankan dari Januari 2022 sehingga Ogos 2024, didapati tiada kes kematian ibu di daerah Kuala Terengganu yang melibatkan ibu yang berisiko.

## 7. LANGKAH SETERUSNYA

- Memperluaskan penggunaan KIT MISALI beserta QR Code Infografik (alat bantu kaedah perancang keluarga) semasa sesi kaunseling perancang keluarga di seluruh negeri Terengganu termasuk semasa 'Virtual Clinic'.
- Memperkasakan dan memperluaskan penggunaan pendaftaran PPC melalui Google Drive di peringkat JKN Terengganu termasuk hospital.
- Penyeliaan dan pemantauan berterusan melalui audit PPC yang baru diperkenalkan pada tahun 2024

### PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada JKN Terengganu, PKD Kuala Terengganu, Pakar Perubatan Keluarga, Unit Kesihatan Keluarga, Unit Kualiti, Unit NCD dan semua anggota kesihatan yang memberi kerjasama sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan

### RUJUKAN

- Garis Panduan Perkhidmatan Prakehamilan di Penjagaan Kesihatan Primer, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (Pind.2023)
- Guidelines on Pre Pregnancy Care in MOH Specialist Hospital, Medical Development Division Ministry of Health Malaysia (2023)
- World Health Organization. Regional Office for South-East Asia. Preconception Care, Regional Expert Group Consultation. 6-8 August 2013, India.